

KENYATAAN MEDIA

MEDIA RELEASE

**KADAR CAJ PARKIR AWAM HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Seperti sedia maklum bahawa perkhidmatan parkir awam Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) yang diuruskan oleh Metro Parking (M) Sdn. Bhd. telah mula beroperasi pada 1 Mac 2019. Pihak Pengurusan HCTM menyedari bahawa kadar caj yang dikenakan adalah tinggi dan perlu dibuat semakan. Maklumbalas pengguna terhadap caj baharu ini juga diambil kira untuk pihak Pengurusan HCTM menyelesaikan segera isu ini.

Satu mesyuarat khas telah diadakan 4 Mac 2019 bersama Syarikat dan bersetuju perkara berikut:

- a) mengurangkan kadar caj kepada kadar yang lebih berpatutan;
- b) mewujudkan kadar rata (*flat rate*) untuk waktu tertentu; dan
- c) mewujudkan kadar maksima untuk penggunaan sehari mengikut kadar parkir awam yang setara;
- d) Syarikat mengumumkan kadar baharu pada 5 Mac 2019

Pihak Pengurusan HCTM memohon maaf atas kesulitan yang dihadapi oleh pengguna sejak kadar caj baharu ini dilaksanakan mulai 1 Mac 2019 yang lalu. Pihak Pengurusan HCTM berusaha memastikan keselesaan pengguna dan bersedia menerima pandangan demi penambahbaikan perkhidmatan.

Sekiranya terdapat sebarang kesulitan, pihak kami bersedia menerima maklumbalas.

Sekian, Terima kasih.

- Tamat -

Pengurusan

Hospital Canselor Tuanku Muhriz

Universiti Kebangsaan Malaysia

4 Mac 2019

BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT
PUSAT JARINGAN, KOMUNIKASI KORPORAT
DAN TEKNOLOGI KESIHATAN
Kampus Kuala Lumpur UKM
Aras G, Kompleks Pendidikan Canselor
Tuanku Ja'afar UKM, Jalan Yaacob Latif
Bandar Tun Razak, 56000 Cheras,
Kuala Lumpur

Telefon: +603 – 9145 5057 / 5058
Faksimili: +603 – 9145 6640
E-mel: prohukm@ppukm.ukm.edu.my